

## Imperialisme Linguistik, Bahasa Negeri Sembilan dan Jati Diri: Apa, Mengapa, Bagaimana

Linguistic Imperialism, Negeri Sembilan Malay Language and Identity: To Know of What, Why and How

IDRIS AMAN, NORSIMAH MAT AWAL & MOHAMMAD FADZELI JAAFAR

### ABSTRAK

*Telah diketahui umum bahawa masyarakat Negeri Sembilan dikatakan mengalami pengaruh budaya daripada luar, iaitu adat perpatih dari Minangkabau, Sumatera. Ekoran daripada itu, kini, wujud stereotaip dan salah faham tentang kaitan bahasa Minangkabau dengan bahasa Negeri Sembilan di kalangan masyarakat, seolah-olah berlaku gejala 'imperialisme linguistik'. Mengambil perspektif know of what, why, and how makalah ini menerangkan konsep imperialisme linguistik, rasional konsep itu diuji terhadap bahasa Negeri Sembilan, dan kaedah ujian dilaksanakan, sebagai salah satu bahagian awal daripada sebuah projek penyelidikan fundamental dalam usaha membuktikan hipotesis bahawa walaupun daripada segi budaya, masyarakat Negeri Sembilan mengamalkan sistem sosial adat perpatih, tetapi daripada segi bahasa, masyarakat bahasa negeri tersebut tidak mengamalkan bahasa Minangkabau. Masyarakat bahasa Melayu Negeri Sembilan mempunyai identiti bahasa sendiri. Ini bermakna, walaupun budaya dan sistem sosial Minangkabau menguasai masyarakat Negeri Sembilan, tetapi tidak pada bahasanya atau dalam kata lain, bahasa Negeri Sembilan bebas imperialisme linguistik bahasa Minangkabau.*

*Kata kunci: Imperialisme linguistik; bahasa Negeri Sembilan; adat perpatih; Minangkabau; jati diri*

### ABSTRACT

*It is generally accepted that the people of Negeri Sembilan are influenced by a foreign culture known as perpatih custom (adat perpatih) that originates from Minangkabau, Sumatera. Consequently, to date, there exist a stereotypical belief and misunderstanding on the link between Negeri Sembilan language and the Minangkabau language that point towards 'linguistic imperialism'. Thus, taking perspective of 'know of what, why, and how', this article seeks to describe the concept of linguistic imperialism, the rationale for testing the concept on the Negeri Sembilan language and the testing methods employed. This serves as the initial part of a fundamental research project in an effort to prove the hypothesis that culturally, the people of Negeri Sembilan adopt the perpatih social system but in terms of language the Negeri Sembilan speech community do not adopt the Minangkabau language. They have their own language identity. In other words, the Minangkabau culture and social system may have influenced the Negeri Sembilan community but not the language. Hence, the Negeri Sembilan language is free of linguistic imperialism of the Minangkabau language.*

*Keywords: Linguistic imperialism; Negeri Sembilan language; perpatih customs; Minangkabau; identity*

### APA

Istilah 'imperialisme' mungkin meresahkan dan membingungkan sesetengah kita. Daripada segi sejarah, gagasan imperialisme muncul pada abad ke-19 yang menyentuh soal order ekonomi dan matlamat luas 'civilizing'. Kajian klasik tentang imperialisme oleh Hobson turut melihatnya daripada sudut ekonomi dan politik (Phillipson 1992). Ahli teori utama imperialisme, Lenin (1973) - ditulis pada 1916 - juga menekankan ekonomi dengan memberikan definisi ringkasnya, iaitu imperialisme adalah aras monopoli kapitalisme atau tahap tertinggi kapitalisme. Beliau membincangkan teorinya itu dalam kerangka pertarungan kuasa-kuasa besar

pada era Perang Dunia Pertama. Sungguhpun soal ini kebanyakannya berkaitan ekonomi, tetapi versi kemudian tentang imperialisme turut dibincangkan dalam kerangka politik, sosial, dan dimensi eksploitasi ideologi yang dalam hal ini meliputi bahasa.

Gagasan 'imperialisme linguistik' dikemukakan oleh Robert Phillipson seorang sarjana linguistik terapan dalam dua bukunya yang dihasilkan pada 1992 dan 2010. Imperialisme linguistik adalah suatu gagasan yang merujuk pengalihan satu bahasa dominan kepada manusia lain. Secara tradisionalnya, pengalihan tersebut memerlukan kuasa ketenteraan, tetapi pada zaman moden, pengalihan berlaku lebih melalui kuasa ekonomi. Memandangkan bahasa adalah sebahagian kebudayaan, maka imperialisme

linguistik selalunya dimanifestasikan dalam konteks imperialisme budaya juga. Selain itu, aspek budaya yang dominan lazimnya juga dipindahkan melalui bahasa.

Gagasan imperialisme linguistik Phillipson berasaskan notasi teori sosial hegemoni budaya. Tema pusat teori Phillipson adalah proses hegemoni kompleks yang didukung oleh kedudukan dominan bahasa Inggeris di dunia ketika ini. Beliau menganalisis retorik pihak British Council dalam mempromosi bahasa Inggeris ke seantero dunia. Teori ini mengulas sejarah penyebaran dan kedominanan bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa dan peranan pengajaran bahasa berkenaan yang berlatar-belakangkan era pascakolonial, terutama di negara-negara berbahasa Inggeris utama (Britain, Amerika Syarikat, Kanada, Australia, dan New Zealand) dan di negara pinggir bahasa Inggeris, seperti India dan Nigeria serta Scandinavia dan sebagainya. (Phillipson 1992). Beliau menyifatkan imperialisme linguistik bahasa Inggeris sebagai: *“the dominance of English is asserted and maintained by the establishment and continuous reconstruction of structural and cultural inequalities between English and other languages”* (hlm. 47).

Phillipson (1992) juga menyifatkan imperialisme linguistik bahasa Inggeris sebagai suatu contoh *linguicism*, iaitu ideologi, struktur, dan amalan-amalan yang dilakukan untuk mengabsahkan, mengesahkan, dan menggembelng semula pembahagian kuasa dan sumber yang tak seimbang di antara kelompok-kelompok yang didefinisikan berasaskan bahasa. Contoh ketakseimbangan itu ialah penggunaan istilah ‘bahasa’ untuk merujuk bahasa negara bangsa, manakala istilah *patois* untuk merujuk bahasa puak (*tribe*), dan ‘bahasa kebangsaan’ untuk bahasa rasmi yang dilawankan dengan ‘bahasa vernakular’ sebagai bahasa yang bertaraf lebih rendah serta bersifat *homebred*.

Walaupun gagasan imperialisme linguistik oleh Phillipson tersebut mendapat sanggahan tetapi kami ingin memanfaatkannya secara luwes, khususnya dalam hal impak kekuasaan pengaruh sesuatu budaya ke atas satu budaya lain yang tidak dapat tidak turut melibatkan bahasa. Pada hemat kami, dalam konteks negara Malaysia, gagasan imperialisme linguistik sesuai diuji-terap sedikit sebanyak dengan situasi yang dialami oleh bahasa Negeri Sembilan dalam konteks pertembungannya dengan budaya Minangkabau.

## MENGAPA

Negeri Sembilan adalah satu negeri (*state*) di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu yang terletak di selatan Kuala Lumpur dan Selangor pada koordinat 2° 45N 102° 15E. Negeri ini mempunyai budaya yang agak berbeza dengan negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Masyarakat negeri ini pernah menerima pengaruh budaya dari luar, iaitu migrasi orang Minangkabau, Sumatera<sup>1</sup>, kini sebahagian Indonesia. Hendon (1966: xi) menamakan *“colonists from Sumatra”* terhadap pendatang Minangkabau itu. Menurut catatan Portugis, pendatang Minangkabau telah menetap di pedalaman Melaka dan Johor, di mana mereka membentuk kawasan yang kini dinamakan Nanning dan Rembau, manakala Winstedt berpandangan kolonisasi Minangkabau di kawasan ini bermula abad ke-15 atau mungkin lebih awal lagi (ruj. Hendon 1966). Kesan daripada itu, sehingga ke hari ini sebilangan besar penduduk Negeri Sembilan masih mengamalkan sistem sosial dan budaya adat perpatih yang berasal dari Minangkabau, Sumatera, seperti sistem nilai, kekeluargaan, politik, ekonomi, adat, dan pelapisan (Nordin 1982). Orang Minangkabau juga mempunyai bahasa sendiri, iaitu bahasa Minangkabau (Triana 2013).

Di sisi lain, kawasan yang kini dikenali Negeri Sembilan sebenarnya tidaklah tanpa penduduk asal sebelum kedatangan orang Minangkabau. Penduduk asal ini juga mempunyai bahasa sendiri (Asmah 1985: 295). Bukti kewujudan penduduk asal di kawasan ini ialah adanya keturunan suku Biduanda. Keturunan suku inilah yang berhak dan layak menjadi penghulu dan Undang di luak-luak<sup>2</sup> di Negeri Sembilan sehingga kini. Ini menunjukkan bahawa orang asal diberi kedudukan yang istimewa. Sedangkan suku golongan pendatang Minangkabau yang mendiami luak diketuai oleh pemimpin masing-masing yang digelar ‘lembaga’ yang dinamakan berasaskan tempat asal mereka di sana, seperti suku Tanah Datar, Tiga Batu, Sri Melenggang, Paya Kumbuh, Mungkal, Batu Belang, dan sebagainya (Nordin 1982). Memang orang Minangkabau telah mempunyai sistem hidup dan budaya yang lebih maju berbanding penduduk asal. Bagaimanapun, kontak dua kelompok manusia itu, pada kadar tertentu telah menyebabkan asimilasi<sup>3</sup> dan integrasi budaya<sup>4</sup> dan tidak dapat tidak juga melibatkan bahasa.

Kesan daripada kontak itu, kini wujud fenomena stereotaip tentang bahasa Negeri Sembilan. Ada yang beranggapan bahasa Negeri Sembilan juga

adalah bahasa Minangkabau. Asmah (1985: 295) misalnya, menulis “dialek yang meliputi kawasan Negeri Sembilan itu adalah dialek yang dibawa dari kawasan Minangkabau.” Mohd Pilus (1978:586) pula mencatatkan “Dialek Negeri Sembilan yang ada sekarang merupakan satu aspek budaya yang banyak dipengaruhi oleh dialek Minangkabau.” Pada hemat kami, stereotaip ini juga meluas di kalangan orang luar Negeri Sembilan. Misalnya, apabila disebut bahasa Negeri Sembilan terus dikaitkan dengan Minangkabau, sedangkan penutur bahasa Minangkabau banyak terdapat di negeri-negeri lain, seperti Selangor dan Perak. Fenomena sedemikian seolah-olah memperlihatkan bahasa Negeri Sembilan mengalami imperialisme linguistik atau hegemoni bahasa Minangkabau. Secara perbandingan, keadaan itu samalah juga seperti salah tanggapan orang luar tentang sistem pewarisan harta orang Negeri Sembilan.

Benarkah stereotaip demikian? Benarkah bahasa Negeri Sembilan mengalami fenomena imperialisme linguistik bahasa Minangkabau akibat pengaruh budaya Minangkabau yang dominan? Berasaskan perbincangan di atas dan atas faktor tempoh yang panjang, tidakkah Negeri Sembilan mempunyai jati diri (*identity*) linguistik tersendiri? Kami berpandangan, persoalan ini perlu diselidiki dan dicari jawapan. Jawapannya perlu diperoleh secara saintifik dan empirikal. Berkaitan isu ini, Hendon (1966) yang pernah meneliti variasi bahasa ini di Kuala Pilah antara Julai-Disember 1951 menegaskan

“*Negeri Sembilan dialect is by no means identical with the best known contemporary dialect of Minangkabau, and stands closer in some respects to standard Malay than to Minangkabau*” (hlm. xiii).

Selain itu, orang awam yang berkunjung ke Negeri Sembilan kini, pasti sukar mendengar bahasa Minangkabau dituturkan.

Justeru, makalah ini adalah usaha awal membicarakan isu tersebut. Makalah ini memfokus perspektif *know of what, why and how*. Untuk itu, aspek yang dibicarakan di dalam makalah ini ialah gagasan imperialisme linguistik, sebab-sebab dilakukan kajian, dan metodologinya sahaja.

Hipotesis kajian ialah (a) Bahasa Negeri Sembilan berbeza secara fonologi, leksikal dan morfosintaks tertentu dengan bahasa Minangkabau; (b) Bahasa Negeri Sembilan adalah ‘bebas imperialisme linguistik’ bahasa Minangkabau; (c) Linguistik adalah tret budaya yang kukuh

kekal mempertahankan identiti Negeri Sembilan, walaupun tret budaya yang lain ‘dijajah’.

Objektif kajian ialah (a) Mengenal pasti dan menghuraikan kelainan fonologi, leksikal dan morfosintaks bahasa Negeri Sembilan dengan bahasa Minangkabau; (b) Berasaskan objektif (a), kajian ini ingin merumus status imperialisme linguistik bahasa Minangkabau ke atas bahasa Negeri Sembilan; (c) Berasaskan Objektif (a) dan (b), kajian ini ingin menghurai dan menjelaskan gagasan imperialisme linguistik dan isu identiti dalam konteks bahasa Negeri Sembilan.

Berbeza dengan pemerian lampau tentang bahasa Negeri Sembilan yang lebih berkisar pada huraian fonologi (seperti Sharman 1973, 1974; Mohd Pilus 1977; Arbak 1994), kosa kata (Yeop Johari 1986), budaya bahasa (Yeop Johari 1989), kata sapaan (Reniwati & Ab Razak (2015), perbandingan sejarawi (Reniwati 2012), kajian ini memperkatakan bahasa Negeri Sembilan daripada perspektif lain, iaitu imperialisme linguistik. Melihat bahasa ini dengan perspektif lain akan membuka jendela minda ke ufuk baharu.

Juga berbeza dengan banyak huraian lampau yang merujuk atau melabelkan bahasa Negeri Sembilan sebagai ‘dialek’ (lihat Sharman 1973, 1974; Mohd Pilus 1978; Yeop Johari 1986, 1989; Renawati 2012; Arbak 1994; Ajid 2002), kami menggunakan istilah ‘bahasa Negeri Sembilan’. Kami berpandangan bahawa istilah ‘dialek’ menyirat ideologi (*ideologically loaded*), lantas seolah-olah bersifat *dominated* atau *defeated language* (rujuk Phillipson 1992) atau bahasa yang lebih rendah tarafnya. Padahal, yang dinamakan ‘dialek’ itu adalah bahasa juga, yang setara dan mempunyai fungsi yang sama dengan mana-mana bahasa masyarakat. Ini sejajar dengan pandangan Chambers & Trudgill (1980) bahawa tiada bahasa yang secara linguistik lebih hebat (*linguistically superior*) daripada bahasa lain.

## BAGAIMANA

Kajian ini merupakan sebuah kajian sosiolinguistik yang berkaitan fenomena ‘imperialisme linguistik’ dan isu identiti dengan menjadikan bahasa Negeri Sembilan sebagai *subject matter*. Sebagai kajian sosiolinguistik, maka ia memerlukan penelitian lapangan dengan melibatkan penutur bahasa berkenaan sebagai informan. Asas penelitian adalah untuk pengujian dan pengesahan.

## INFORMAN

Bagi mencapai objektif kajian, tiga kategori informan dilibatkan, iaitu penutur bahasa Negeri Sembilan, penutur bahasa Minangkabau di Malaysia, dan penutur bahasa Minangkabau di daerah asalnya – Padang, Sumatera. Kriteria informan yang dipilih mestilah pemastautin tetap, lelaki dan perempuan di kawasan berkenaan dan berusia 40 tahun ke atas. Bagaimanapun variabel gender, usia serta status sosioekonomi tidak diambil kira dalam analisis kerana bukan menjadi hasrat kajian ini.

Sebilangan 30 informan diperoleh berpandukan kriteria yang dinyatakan di atas. Pecahan informan mengikut kategori masing-masing sekurang-kurangnya 15, 7 dan 8 orang. Berasaskan pandangan Chambers & Trudgill (1980: 59) dan sejajar dengan objektif kajian ini, bilangan informan tidak perlu banyak kerana penelitian ini mementingkan penggunaan bahasa sebenar. Di samping itu, bilangan unit linguistik yang diuji juga muncul beberapa kali. Penggunaan bahasa sebenar itu kemudian diuji mengikut hipotesis.

Data bahasa Negeri Sembilan diperoleh daripada informan yang tinggal di daerah Kuala Pilah dan Rembau. Data bahasa Minangkabau di Malaysia pula diperoleh daripada informan yang tinggal di Beranang, Selangor dan kampung yang bersempadan dengannya di Negeri Sembilan, iaitu Kampung Dacing. Data bahasa Minangkabau Sumatera diperoleh daripada informan di Bukit Tinggi dan Padang.

## KAEDAH UJIAN


Pembuktian hipotesis dilakukan melalui penggunaan variabel linguistik sebenar informan dalam julat *tiga gaya berbahasa*, iaitu sebut daftar kata, uji leksikal, dan berbual. Pengamatan dalam tiga julat gaya bahasa penting bagi memastikan gelagat penggunaan sebenar diperoleh dalam konteks semi-formal, selain sahah (Labov 1972; Chambers & Trudgill 1980; Idris 2014).

Daftar kata dibina berasaskan daftar kata Swadesh terkini yang diterbitkan pada 1971 (Wikipedia). Daftar kata Swadesh tersebut yang mempunyai 100 kata diterjemahkan ke bahasa Melayu tetapi dengan inovasi dengan memperkirakan bunyi unik dialek Negeri Sembilan berasaskan Idris et al. (2015) (lihat Lampiran A). Daftar kata ini dimanfaatkan bagi menguji dan mensahihkan aspek sebutan, di samping menguji aspek leksikal. Informan diminta menyebut

kata-kata yang disenaraikan satu demi satu dalam bahasa masing-masing (lih. Lampiran A).

Daftar kata leksikal ialah 88 kata unik dan arkaik bahasa Negeri Sembilan. Daftar ini di inovasi daripada daftar Norsimah et al. (2013) dan Idris et al. (2015). Daftar kata Norsimah et al. (2013) adalah senarai kata arkaik bahasa Negeri Sembilan, manakala Idris et al. (2015) ialah kata panggilan keluarga dalam bahasa Negeri Sembilan. Daftar leksikal yang dibentuk ini dimanfaatkan bagi menguji kewujudan dan kefahaman aspek leksikal. Ujian leksikal ini hanyalah terhadap informan Minangkabau di kedua-dua kawasan (lih. Lampiran B). Informan ditanya sama ada mereka tahu akan kewujudan leksikal berkenaan dan tahu maknanya.

Gaya bahasa berbual dimanfaatkan bagi membolehkan penutur mencetuskan ayat atau ujaran yang lengkap. Topik bualan berkisar pandangan informan perihal cuaca, aktiviti seharian atau keistimewaan tempat tinggal mereka. Selain itu, bagi mendapatkan data yang lebih natural, informan juga diajak bercerita. Topik cerita adalah berkaitan pengalaman yang tidak dapat dilupakan (lih. Lampiran C). Dua pendekatan ini dimanfaatkan khusus untuk memperoleh data aspek morfosintaks di samping memperlengkap aspek sebutan dan leksikal. Lihat Rajah 1.



RAJAH 1. Gaya Bahasa Pengujian

## PROSES PENELITIAN

Proses penelitian dimulakan dengan perkenalan yang lazim bagi masyarakat Melayu dan pernyataan hasrat. Kemudian, peneliti meminta informan menyebut dalam bahasa mereka sendiri daftar kata. Selanjutnya, bagi informan penutur bahasa Minangkabau, mereka turut ditanya akan kewujudan dan kefahaman senarai leksikal. Akhir sekali, informan diajak berbual dan bercerita. Sesi temu bual dikendalikan sendiri oleh pengkaji bersama pembantu penyelidik siswazah linguistik. Bagi

memastikan data bahasa Minangkabau yang baik diperoleh, temu bual dengan informan Minangkabau dikendalikan dengan bantuan perunding bahasa Minangkabau. Perunding tersebut adalah penutur jati bahasa Minangkabau yang merupakan pelajar doktor falsafah linguistik Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau berasal dari Padang, Sumatera, merupakan dosen Universitas Andalas, Indonesia dan telah berada di Malaysia selama tidak kurang 5 tahun. Semua penggunaan bahasa sebenar informan ketika sesi temu bual dirakam secara audio. Secara purata, sesi temu bual setiap informan memakan masa 50-60 minit.

PROSEDUR ANALISIS

Analisis data bermula dengan mendengar penggunaan bahasa setiap informan daripada

rakaman bagi ketiga-tiga gaya bahasa satu demi satu. Kemudian, pengekodan dapatan dilakukan. Untuk gaya daftar kata, jadual pengkodan sebutan (lih. Jadual 1) disediakan masing-masing untuk tiga kategori informan. Bagi memudahkan pengkodan realisasi sebutan setiap informan, satu sebutan norma (N) bagi setiap bahasa dikenal pasti melalui pengamatan terhadap data dan literatur. Semasa proses pendengaran, sebutan norma ditandai /, manakala sebutan bukan norma (B) ditandai 0 di dalam borang kod. Bunyi bukan norma turut ditranskripsikan di dalam borang. Kemudian sub-kelompok realisasi fonologi daftar tersebut dikenal pasti. Pola umum sesuatu realisasi bunyi dikira berasaskan regulariti. Selanjutnya, analisis perbandingan aspek sebutan antara bahasa dikendalikan dan dibincangkan. Pola sebutan berasaskan sub-kelompok Minangkabau (Malaysia dan Sumatera) turut diteliti.

JADUAL 1. Contoh Borang Pengkodan Sebutan

Leksikal & Realisasi Sebutan		Bahasa NS / Bahasa Minangkabau <u>Malaysia / Padang, Indonesia*</u>										
		Informan										
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	Jum
kita	N - kita B	/										
cepat	N - cepat? B		0									
ranting	N - ranting B	/										
....												

JADUAL 2. Contoh Borang Pengkodan Leksikal

Leksikal NS & Makna		Informan Minangkabau <u>Malaysia / Padang, Indonesia*</u>										
		Status	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
baeh	W	w										
'baling'	X 0		x									
kuwi	W											
'bekas padi'	X 0	x	x									
...	W X 0											

Untuk ujian kedua, borang pengkodan leksikal disediakan (lih. Jadual 2). Status leksikal dikod W bagi wujud serta bertepatan dengan makna

dalam bahasa Negeri Sembilan dan X bagi tidak wujud/tidak tahu, dan 0 bagi wujud tetapi makna berbeza. Status maklumat ditandai dengan / di ruang

berkaitan. Bagi status 0, makna lain turut dicatat di dalam borang kod. Pola umum kewujudan leksikal dikira berasaskan nilai peratus. Nilai ambang lazim (*normal threshold value*) dimanfaatkan untuk pentafsiran dapatan. Sub status leksikal turut dilihat berasaskan kelompok Minangkabau di Malaysia dan Minangkabau di Sumatera.

Untuk ujian ketiga, bualan setiap informan ditranskripsi ujaran demi ujaran. Kategori informan dan ujaran dikodkan secara sistematik. Setiap ujaran kemudian dicerakin kepada beberapa analisis morfosintaks, seperti realisasi morfologikal, leksikalisasi, dan struktur ayat. Kemudian, data setiap aspek linguistik tersebut dikelompok mengikut dua kategori utama informan, iaitu penutur bahasa Negeri Sembilan dan Minangkabau. Proses analisis bahasa Minangkabau turut dibantu oleh perunding yang telah dilantik, seperti dinyatakan di atas.

Dapatan daripada analisis aspek fonologi, leksikal, dan morfosintaks seperti diutarakan tersebut kemudian akan dihurai dan dijelaskan berdasarkan tiga objektif kajian ini.

## EPILOG

Seperti dinyatakan di atas, makalah ini adalah diskusi awal berkaitan isu imperialisme linguistik yang diuji ke atas bahasa Negeri Sembilan yang memfokus kepada pengertian gagasan tersebut, rasional diuji ke atas bahasa Negeri Sembilan, dan kaedah kajian dikendalikan. Daripada dapatan kajian juga diharapkan status identiti linguistik Negeri Sembilan dapat diserlahkan dan dipertegas. Kami berpendirian bahawa pegangan asas penelitian ini ialah prosedur saintifik dan empirikal. Dengan demikian, pemerolehan data kajian ini menuntut penyelidik ke lapangan bagi mendapatkan data pertuturan bahasa sebenar oleh sebilangan informan dalam tiga julat gaya bahasa. Justeru, kaedah penelitian yang diterapkan seperti diterangkan di atas diyakini memenuhi tuntutan tersebut, berupaya memberi jawapan dan pencerahan (*insight*) kepada hipotesis-hipotesis kajian ini serta membekalkan *foresight* dalam penyelidikan linguistik.

## PENGHARGAAN

Makalah ini dijana daripada Projek Penyelidikan FRGS/2/2014/SSI01/UKM/01/1 Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, 2014-2016 berjudul

## Gagasan Imperialisme Linguistik dan Isu Jatidiri: Pengujian ke Atas Dialek Negeri Sembilan.

### NOTA

- <sup>1</sup> Secara umum, orang Minangkabau memang berjiwa perantau, sehingga Saafroedin Bahar mengkategorikannya kepada Minangkabau Ranah (yang menetap di Sumatera Barat) dan Minangkabau Rantau (yang bermukim di luar tanah Minangkabau) (lihat Triana 2013).
- <sup>2</sup> Luak ialah unit kawasan politik tradisional utama di Negeri Sembilan. Sekarang, ada 14 luak di Negeri Sembilan, iaitu Sri Menanti, Tampin, Sungei Ujong, Jelebu, Johol, Rembau, Ulu Muar, Jempol, Terachi, Gunung Pasir, Inas, Gemencheh, Ayer Kuning, dan Linggi. Daripada 14 itu, empat yang utama ialah Sungei Ujong, Johol, Jelebu, dan Rembau. Luak yang empat ini diketuai oleh pembesar bergelar Undang, manakala luak-luak yang lain diketuai pembesar bergelar Penghulu, kecuali di Sri Menanti diketuai oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan sendiri dan Tampin oleh Tunku Besar Tampin (Nordin 1982).
- <sup>3</sup> Asimilasi adalah saling-baur budaya di mana seseorang atau kelompok manusia mengongsi sama budaya, lazimnya tidak setara, dengan satu budaya menjadi lebih dominan (Horton & Hunt 1981).
- <sup>4</sup> Integrasi budaya adalah darjah di mana tret, kompleks, dan institusi sesuatu budaya disesuaikan secara harmoni antara satu sama lain (Horton & Hunt 1981).

### RUJUKAN

- Ajid Che Kob. 2002. Dialek Melayu Negeri Sembilan. Dlm. *Menelusuri Jejak Melayu Minangkabau*, disunting oleh Sastri Yunizaril & Media Sandra Kasih. Padang: Yayasan Citra Budaya Indonesia.
- Arbak Othman. 1994. Fonologi Dialek Negeri Sembilan: Satu teknik pengesahan kosa kata untuk leksikografi standard. Dlm. *Negeri Sembilan: Gemuk Dipupuk, Segar Bersiram: Adat Merentas Zaman*, disunting oleh A. Samad Idris, Horhalim Ibrahim, Muhammad Tainu & Dharmala N.S. Seremban: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan.
- Asmah Haji Omar. 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chambers, J. K. & Trudgill, P. 1980. *Dialectology*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hendon, R. S. 1966. *The Phonology and Morphology of Ulu Muar Malay (Kuala Pilah District, Negeri Sembilan, Malaya)*. New Haven: Yale University.
- Horton, P. B. & Hunt, C. L. 1981. *Sociology*. 5<sup>th</sup> edition. Auckland: McGraw-Hill International Book Company.
- Idris Aman, Mohammad Fadzeli Jaafar & Norsimah Mat Awal. 2015. *Dialek Negeri Sembilan: Sikap, Kefahaman dan Jati Diri*. Bangi: Penerbit UKM.
- Idris Aman. 2014. Dialek sosial. Dlm. *Variasi Bahasa*, disunting oleh Idris Aman & Mohammed Azlan Mis, 39-55. Bangi, Selangor: Penerbit UKM.

- Labov, W. 1972. *Sociolinguistics Patterns*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Lenin, V.I. 1973. *On Imperialism and Imperialists*. Moscow: Progress Publishers.
- Mohd Pilus Yunus. 1978. Dialek Negeri Sembilan dan dialek umum Bahasa Melayu: Suatu perbandingan dari sudut fonologi. *Dewan Bahasa* 8: 586-597.
- Nordin Selat. 1982. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Norsimah Mat Awal, Idris Aman & Mohammad Fadzeli Jaafar. 2013. Attitude, understanding and identity of Negeri Sembilan Malay dialect speakers. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities* 21(S): 99-118.
- Phillipson, R. 2010. *Linguistic Imperialism Continued*. New York: Routledge.
- Phillipson, R. 1992. *Linguistic Imperialism*. Oxford: OUP.
- Renawati. 2012. Bahasa Minangkabau dan Dialek Negeri Sembilan: Satu tinjauan perbandingan linguistik historis komparatif. *Wacana Etnik – Jurnal Ilmu Sosial dan Humaniora* 3(1): 71-86.
- Reniwati & Ab Razak Ab Karim. 2015. Kata sapaan separa rasmi dalam masyarakat Minangkabau di Kabupaten 50 kota dan daerah Rembau: Suatu kajian perbandingan. *International Journal of the Malay World and Civilisation (IMAN)* 3(2): 63-70.
- Sharman Abu. 1973. Satu Tinjauan Ringkas tentang Bunyi-Bunyi Vokal dalam Dialek Negeri Sembilan. *Jurnal Bahasa* 17(12): 559-566.
- \_\_\_\_\_. 1974. Sistem Bunyi-Bunyi Konsonan dalam Dialek Negeri Sembilan. *Jurnal Bahasa* 18(6):277-286.
- Triana, Hetti Waluati. 2013. *Sosiopragmatik: Perubahan Paradigma Berbahasa Etnik Minangkabau Modern*. Sumatera Barat: Imam Bonjol Press.
- Wikipedia. Swadesh List (21 Januari 2015).
- Yeop Johari Yaakub. 1986. Pemakaian Kosa Kata Bahasa Melayu Dialek Negeri Sembilan dalam Kehidupan Masyarakat Desa. *Jurnal Bahasa* 30(9): 663-689.
- Yeop Johari Yaakub. 1989. Dialek Melayu Negeri Sembilan: Beberapa Pandangan daripada Sudut Budaya. *Jurnal Bahasa* 33(1):34-43.

IDRIS AMAN, PhD  
Profesor Linguistik  
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi, Selangor, Malaysia  
(idrisa@ukm.edu.my & wacana@live.com)

NORSIMAH MAT AWAL, PhD  
Profesor Madya  
Program Linguistik  
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi, Selangor Malaysia  
(norsimah@ukm.edu.my)

MOHAMMAD FADZELI JAAFAR, PhD  
Profesor Madya  
Program Linguistik  
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi, Selangor, Malaysia  
(fadzeli@ukm.edu.my)

Diserahkan: 24 Februari 2016

Diterima: 16 Mei 2016

## Lampiran A

Senarai Kata  
(berdasarkan senarai *Swadesh 1971* dengan inovasi)

1	saya	26	akar	51	sempat	76	hujan
2	awak	27	ranting	52	jantung	77	terus
3	kita	28	kulit	53	hati	78	pasir
4	rebus	29	daging	54	minum	79	tanah
5	itu	30	darah	55	lemang	80	junjung
6	siapa	31	tulang	56	gigit	81	asap
7	apa	32	lemak	57	lihat	82	api
8	kampung	33	telur	58	dengar	83	habuk
9	semua	34	tanduk	59	tahu	84	bakar
10	ramai	35	ekor	60	tidur	85	lorong
11	dua	36	beras	61	lekas	86	bukit
12	empat	37	rambut	62	bunuh	87	merah
13	besar	38	kepala	63	berenang	88	hijau
14	panjang	39	lepas	64	terbang	89	kuning
15	kecil	40	mata	65	gantung	90	putih
16	perempuan	41	hidung	66	datang	91	hitam
17	lelaki	42	mulut	67	baring	92	lompat
18	orang	43	gigi	68	duduk	93	panas
19	cepat	44	bibir	69	berdiri	94	sejuk
20	burung	45	jari	70	beri	95	penuh
21	anjing	46	kipas	71	sebut	96	baru
22	kelat	47	lutut	72	matahari	97	bagus
23	pokok	48	kurus	73	bulan	98	bulat
24	benih	49	perut	74	bintang	99	kering
25	daun	50	leher	75	air	100	nama

## Lampiran B

Senarai Leksikal  
(a) Senarai Kata Unik Bahasa Sembilan (Norsimah et al 2013)

1	angka 'suhu badan panas'	23	cemat 'sebat'	45	kopai 'bakul tangan'	67	ngonyam 'gatal'
2	baeh 'baling'	24	ceneke 'muslihat'	46	locut 'baling'	68	kokeh 'kais'
3	bega 'degil'	25	coghoh 'padi jadi beras'	47	lodoh 'lumat'	69	ompok 'milik'
4	belolah 'berlari'	26	eleh 'manja'	48	lonco 'putus tunang'	70	comporo 'main air'
5	bejombik 'banyak'	27	gahar 'sental'	49	mada 'degil'	71	ontok 'diam'
6	bekuak 'beranjak'	28	gewai 'hayun'	50	maja 'tumpul'	72	pengolan 'galah'
7	betandak 'berjoget'	29	ghemah 'sepahan nasi'	51	melaha 'kepedasan'	73	pengkar 'senget'
8	bergolek 'kenduri kahwin'	30	gunjai 'tinggi'	52	melangok 'melepak'	74	polak 'hangat badan'
9	bokotuntang 'lintang-pukang'	31	hokap 'tamak'	53	membeser 'kencing'	75	porak 'kebun kecil'
10	bersotai-sotai 'carik'	32	hongeh 'mengah'	54	memburan 'berak'	76	posok 'bocor'



11	tating 'hidang'	33	hipong 'makan gigit terus'	55	menebeng 'memerhati sahaja'	77	piuh 'cubit pintal'
12	bojo'oh 'rezeki tak jangka'	34	joghan 'serik'	56	mencangut 'mengah'	78	ghoman 'paras wajah'
13	boleng 'bogel'	35	jobo 'menunjuk-nunjuk'	57	mentibang 'menghilang'	79	sede 'bersepah'
14	bonda 'tali air'	36	keleso 'malas'	58	mengelintau 'gelabah'	80	sitap 'sepet - mata'
15	bongak 'bohong'	37	kopam 'buruk'	59	melahu 'tak kerja'	81	tekyan 'kutip wang'
16	boko 'bekas buah tangan'	38	kodin 'anggotai suku'	60	mengicak 'meminta'	82	jongkeh 'mati'
17	biak 'becak'	39	kuwi 'tempat simpan padi'	61	mengoca 'tangkap ikan dgn tgn'	83	terkinyam 'suka' - makanan
18	celungap 'gelojoh'	40	lapun 'perhabis'	62	sigai 'tangga panjang'	84	terjongok 'muncul tiba-tiba'
19	cekau 'tangkap / dapat'	41	lelan 'asyik'	63	menonong 'jalan tanpa toleh'	85	tobek 'kolam'
20	cokuyh 'curi-curi makan'	42	leweh 'longlai'	64	menureh 'boleh harap'	86	toboh 'ceruk'; 'solok'
21	kopoh 'putih'	43	pundong 'pondok'	65	senegheh 'sempurna'	87	ghobeh 'renyai' - hujan
22	ginco 'gaul'	44	acop 'tenggelam'	66	peteng 'perhati'	88	kuti 'cubit'

(b) Kata Panggilan Bahasa Negeri Sembilan (Idris et al. 2015)

	Pertama		Kedua		Ketiga
1	ayo	6	kami	11	diyo
2	ese	7	ekau	12	diyoghang
3	eden	8	warigh	13	
4	awak	9	jang/ujang	14	
5	kito	10	daru	15	

### Lampiran C

#### Panduan Soalan Temu Bual

- a. Perihal cuaca semasa  
Bagaimana keadaan cuaca di sini akhir-akhir ini?  
Bila kali terakhir hujan turun?  
Adakah keadaan cuaca demikian mempengaruhi aktiviti harian?
- b. Perihal aktiviti harian informan  
Apa yang tuan/puan lakukan setiap hari?  
Apa yang tuan/puan suka lakukan pada waktu lapang?
- c. Berapa lama tuan/puan sudah tinggal/bertugas di sini?
- d. Kenapa tuan/puan suka tinggal/bertugas di sini?
- e. Apa keistimewaan tempat tinggal/tempat bertugas?
- f. Apa pengalaman yang tidak dapat dilupakan? Jika tidak keberatan, mohon ceritakan.

